

Permohonan Poligami: Kajian Di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam
Application for Polygamy: A Study at the Shah Alam Syariah High Court

Nur Hurin Batrisyia Binti Mohd Sham & Norhoneydayatie Abdul Manap ✉
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Poligami merupakan satu perkahwinan yang dibenarkan dan diharuskan dalam Islam. Namun begitu, di Malaysia, kelulusan perkahwinan poligami tertakluk kepada syarat-syarat yang ketat demi menjamin keadilan dan kebajikan bagi semua pihak yang terlibat. Di Selangor, permohonan poligami perlu mendapatkan kebenaran dari Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam dan ianya selaras dengan peruntukan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Walau bagaimanapun, dalam dunia realiti sekarang tidaklah semua permohonan poligami itu diluluskan kerana terdapat juga permohonan poligami yang ditolak berdasarkan pertimbangan tertentu yang dibuat oleh mahkamah. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor yang mendorong permohonan poligami, mengenalpasti permohonan yang tidak diluluskan dan menganalisis permohonan yang diluluskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen fail kes dan temu bual separa berstruktur bersama hakim syarie. Dapatan kajian ini dapat memberikan gambaran yang jelas tentang pertimbangan kehakiman dalam permohonan poligami serta menyumbang kepada penambahbaikan amalan dan dasar berkaitan pengurusan poligami di Mahkamah Syariah.

KATA KUNCI

Permohonan poligami, Mahkamah Syariah, faktor poligami, kelulusan, penolakan

ABSTRACT

Polygamy is a form of marriage that is permitted and lawful in Islam. However, in Malaysia, approval for polygamous marriage is subject to strict conditions to ensure justice and the welfare of all parties involved. In Selangor, applications for polygamy must obtain permission from the Shah Alam Syariah High Court, in line with the provisions of the Islamic Family Law Enactment (State of Selangor) 2003. Nevertheless, in present-day reality, not all polygamy applications are approved, as some are rejected based on certain considerations made by the court. This study aims to analyse the factors that motivate applications for polygamy, to identify applications that are not approved, and to analyse applications that are approved by the Shah Alam Syariah High Court. This study adopts a qualitative approach through document analysis of case files and semi-structured interviews with Syariah judges. The findings of this study provide a clear overview of judicial considerations in polygamy applications and contribute to the improvement of practices and policies related to the management of polygamy in the Syariah Courts.

KEYWORDS

Polygamy application, Syariah Court, factors of polygamy, approval, rejection

Article History

Received: Jan 5, 2026
Revised: Jan 27, 2026
Accepted: Jun 3, 2026
Published: Jun 15, 2026

✉ Contact

Norhoneydayatie Abdul Manap
(Corresponding Author)
norhoney@ukm.edu.my

Citation

Nur Hurin Batrisyia Binti Mohd Sham & Norhoneydayatie Abdul Manap. 2026. Permohonan Poligami: Kajian Di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 11(1): 83-89

Copyright

© 2026 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENGENALAN

Poligami dari sudut bahasa adalah menghimpunkan berbilang isteri dalam satu masa. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2010), poligami ini adalah amalan beristeri lebih daripada seorang dalam satu masa yang sama. Dalam bahasa Arab pula, poligami ini disebut ta'adud al-zawjat. Yang mana ianya bermaksud isteri yang ramai atau berbilang-bilang. Makna ini disokong oleh Zaini Nasohah (2000) yang menyatakan bahawa maksud poligami ini ialah berkahwin lebih daripada seorang iaitu lawan kepada perkataan monogami yang bermaksud berkahwin dengan seorang wanita sahaja.

Poligami merupakan satu bentuk perkahwinan yang diharuskan dalam Islam berdasarkan dalil al-Quran dan hadis, khususnya Surah al-Nisa' ayat 3, namun keharusannya terikat dengan syarat-syarat yang ketat seperti keadilan, kemampuan kewangan serta tanggungjawab terhadap isteri dan anak-anak. Hadis Nabi SAW turut memberikan peringatan jelas tentang implikasi dosa sekiranya keadilan gagal ditegakkan. Mengikut dalil, ayat ini jelas menunjukkan bahawa hukum poligami adalah harus jika tidak mendatangkan sebarang kemudharatan ke atas isteri dan anak-anak. Jika suami tidak mampu berlaku adil, maka digalakkan seorang lelaki itu berkahwin hanya seorang isteri sahaja. Hal ini kerana keharusan berpoligami ini sangatlah berkait rapat dengan tanggungjawab dan kemampuan dalam aspek zahir dan batin. Justeru, ianya termasuklah memberikan bimbingan dan menjadi teman hidup kepada para isteri. (Anuar Ahmad 2016)

Dalam konteks undang-undang keluarga Islam di Malaysia seperti Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dalam seksyen 124, seksyen 23 (1) dan seksyen 23 (2), kebenaran poligami dikawal rapi melalui enakmen negeri di mana setiap permohonan perlu mendapat kelulusan mahkamah. Hal ini menimbulkan cabaran dalam kalangan masyarakat yang kadang kala melihat poligami sebagai hak mutlak lelaki sedangkan mahkamah menekankan aspek masalahat keluarga dan kesejahteraan isteri serta anak-anak. Oleh itu, poligami bukanlah satu kebebasan mutlak, sebaliknya suatu amanah besar yang menuntut pematuhan kepada prinsip syariah dan pertimbangan masalahat keluarga. (Abdul Rahman 2018)

Fenomena ini menunjukkan wujud jurang antara persepsi masyarakat dan realiti pelaksanaan undang-undang. Masyarakat sering tidak memahami faktor sebenar yang menyebabkan sesuatu permohonan poligami diluluskan atau ditolak, sekali gus mewujudkan stigma bahawa Mahkamah Syariah menghalang pelaksanaan syariat. Hakikatnya, pertimbangan mahkamah melibatkan pelbagai aspek seperti kemampuan kewangan, kestabilan rumah tangga dan keadilan, selaras dengan maqasid syariah khususnya penjagaan keturunan dan maruah (Nabilah Haji Bujang et al. 2021).

Walaupun poligami sering menjadi isu perbincangan, kajian empirikal yang menganalisis keputusan kes poligami di Mahkamah Syariah masih terhad, terutamanya di peringkat lokal seperti Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam yang mencatatkan jumlah kes yang banyak. Kebanyakan perbincangan sedia ada lebih tertumpu kepada aspek teori dan hukum, manakala penelitian terhadap kes yang diluluskan dan tidak diluluskan serta pertimbangan kehakiman masih kurang diberi perhatian. (Noraini 2020).

Di samping itu, faktor-faktor yang mendorong permohonan poligami juga jarang dikaji secara mendalam. Permohonan poligami sering distereotaipkan sebagai didorong oleh kepentingan peribadi semata-mata, sedangkan ia turut melibatkan faktor keperluan keluarga, ketiadaan zuriat, tanggungjawab sosial dan keadaan sosioekonomi. Oleh itu, kajian ini penting untuk meneliti faktor-faktor tersebut serta keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam bagi memberikan gambaran yang lebih objektif dan menyeluruh tentang realiti pelaksanaan poligami di Malaysia. (Norain Mohd Shah et al. 2021)

Mahkamah Tinggi Syariah memainkan peranan penting dalam menilai setiap permohonan poligami dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti kemampuan kewangan, keadilan layanan dan kebajikan keluarga sedia ada. Namun begitu, realiti menunjukkan bahawa tidak semua permohonan poligami diluluskan oleh mahkamah. Keadaan ini menimbulkan persoalan mengenai faktor-faktor yang mendorong permohonan poligami serta pertimbangan mahkamah dalam meluluskan atau menolak sesuatu permohonan. Penghakiman permohonan poligami yang dilakukan oleh pihak mahkamah adalah berdasarkan kepada penilaian mahkamah terhadap tahap kemampuan suami dari sudut material dan keyakinan suami untuk berlaku adil. Walaupun perbincangan kajian ini adalah berkaitan dengan permohonan poligami ia tidaklah hanya fokus pada permohonan poligami yang diluluskan sahaja. Namun, kajian ini dijalankan untuk meneliti secara mendalam permohonan poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, dengan memberi fokus kepada faktor yang mendorong permohonan poligami, permohonan yang tidak diluluskan dan permohonan yang diluluskan oleh mahkamah. Oleh yang demikian, kelompangan daripada kajian-kajian lepas membuka sedikit ruang kajian untuk menelusuri isu ini dari sudut yang berbeza. (Ana Faiza Md Nor et al. 2021).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan kualitatif bertujuan untuk memahami secara mendalam konteks dan alasan di setiap permohonan poligami yang diluluskan dan penolakan permohonan poligami serta faktor-faktor yang mendorong permohonan poligami dilakukan. Data dikumpulkan daripada dua sumber utama iaitu temu bual separa berstruktur bersama

hakim syarie bagi mendapatkan maklumat kualitatif mengenai pengalaman dan penilaiannya dalam menangani kes-kes berkaitan poligami. Seterusnya, analisis dokumen bagi fail kes permohonan poligami yang difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam antara tahun 2021 hingga 2025 termasuk maklumat pemohon, pekerjaan, latar belakang keluarga, alasan permohonan serta keputusan mahkamah.

Semua data dianalisis secara sistematik melalui pengenalanpastian tema-tema utama, pengkategorian dan penafsiran yang bertujuan menghasilkan rumusan yang menyeluruh mengenai faktor dan pertimbangan dalam permohonan poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam. Proses ini membolehkan penyelidik menilai hubungan antara faktor luaran dan pertimbangan kehakiman sekaligus memastikan dapatan kajian mencerminkan realiti di lapangan secara komprehensif.

Analisis Data

1. Temubual

Data temu bual separa berstruktur yang diperoleh daripada hakim syarie Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Proses analisis dimulakan dengan pentransipsian bagi memastikan ketepatan maklumat yang diperoleh. Seterusnya, transkrip temu bual dibaca secara berulang bagi mengenal pasti idea, pandangan dan pengalaman kehakiman yang berkaitan secara langsung dengan objektif kajian.

2. Analisis Dokumen

Analisis dokumen daripada fail-fail permohonan poligami yang difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam antara tahun 2021 hingga 2025. Dokumen dianalisis termasuk maklumat pemohon, pekerjaan, latar belakang keluarga, tanggungan pemohon, tahap keadilan dan tanggungjawab pemohon, alasan permohonan serta keputusan mahkamah. Analisis dokumen dijalankan secara sistematik melalui proses pengkategorian dan pengkodan maklumat kepada tema-tema utama yang selari dengan objektif kajian. Tema-tema ini merangkumi faktor yang mendorong permohonan perkahwinan poligami, penolakan permohonan poligami dan kelulusan permohonan poligami. Dalam membuat keputusan akhir, mahkamah akan melihat empat syarat poligami iaitu patut atau perlu, kemampuan nafkah, kemampuan keadilan dan tidak timbul kemudharatan.

Setelah tema dikenalpasti, data dokumen akan dibandingkan dan dikaitkan dengan maklumat daripada temu bual hakim bagi tujuan triangulasi. Proses ini membolehkan penyelidik menilai keseragaman corak keputusan mahkamah dan memahami rasional di sebalik pertimbangan yang diambil oleh mahkamah. Analisis dokumen ini bukan sahaja membolehkan penghasilan dapatan yang menyeluruh malah mengukuhkan kebolehpercayaan

kajian dengan mengaitkan fakta kes sebenar kepada penemuan tematik yang diperoleh daripada sumber lain.

DAPATAN KAJIAN

Faktor-faktor yang Mendorong Permohonan Poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam

Berdasarkan dapatan kajian yang dieproleh melalui kajian literatur dan temu bual bersama hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, kajian ini mendapati bahawa permohonan perkahwinan poligami ini didorong oleh beberapa faktor yang bersifat saling berkait. Antara faktor utama yang dapat dikenalpasti adalah faktor peribadi, ketiadaan zuriat, mengikut sunnah serta kemampuan dari segi kewangan dan keadilan (Norain Mohd Shah, Khairul Azhar Meerangani 2021).

Selain daripada faktor-faktor tersebut, dapatan kajian daripada analisis fail-fail permohonan poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam menunjukkan bahawa faktor yang mendorong seseorang itu memohon untuk berpoligami adalah disebabkan faktor peribadi seperti keinginannya terhadap kehendak nafsu, timbul perasaan suka sama suka atau ingin halalkan hubungan kasih sayang. Selain itu, faktor lain seperti sudah terlanjur atau masalah kesihatan juga adalah asbab mereka memohon untuk berpoligami. Seterusnya, kemampuan seorang lelaki dari segi kewangan dan keadilan serta ingin membantu ibu tunggal atau janda juga mempengaruhi mereka untuk membuat permohonan.

Namun begitu, faktor paling utama adalah disebabkan pemohon sudah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada isteri untuk memohon poligami tanpa ada sebarang paksaan dan ianya kerelaan seorang isteri itu sendiri. Situasi ini menunjukkan poligami ini bukan sahaja berlaku disebabkan kehendak peribadi namun ianya lebih kepada mendapat persetujuan isteri sehingga mereka membuat keputusan untuk memfailkan permohonan poligami. Hal ini berlaku kerana ada sesetengah isteri setuju untuk dimadukan disebabkan mahu mempunyai zuriat, maka mereka berfikir poligami adalah jalan penyelesaian agar rumah tangga mereka kekal bahagia dengan keberadaan anak-anak.

Permohonan Poligami yang Tidak Diluluskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam

Dapatan kajian melalui Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam iaitu YA Salehan Bin Yatim mengatakan bahawa lazimnya permohonan poligami yang tidak diluluskan ini adalah berpunca daripada beberapa faktor utama. Antaranya ialah

ketidakmampuan suami untuk memenuhi syarat keadilan antara isteri, ketidakcukupan alasan yang dikemukakan bagi membolehkan poligami, serta kegagalan pemohon menunjukkan kemampuan dari segi kewangan dan emosi untuk menanggung isteri tambahan.

Temu bual dengan hakim juga menekankan bahawa mahkamah menitikberatkan kesejahteraan isteri sedia ada dan anak-anak, serta memastikan hak-hak mereka tidak terjejas sekiranya permohonan diterima. Hal ini kerana bimbang jika poligami ini diteruskan akan mendatangkan kemudharatan kepada isteri dan anak-anak. Sekiranya wujud risiko ketidakadilan atau kemungkinan menimbulkan tekanan psikologi kepada isteri, permohonan poligami cenderung untuk ditolak.

Selain itu, analisis fail kes mendapati bahawa permohonan yang terlalu umum atau tidak lengkap dokumennya sering ditolak kerana hakim memerlukan bukti yang kukuh dan terperinci untuk menilai kesesuaian poligami dalam konteks setiap keluarga. Dapatan ini menekankan bahawa proses kelulusan permohonan poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam bukan sekadar formaliti.

Setiap permohonan poligami perlu dinilai secara menyeluruh, termasuk kesesuaian moral, sosial dan emosi pemohon supaya keputusan yang dibuat dapat mengekalkan keharmonian keluarga sedia ada. Dapatan ini menunjukkan bahawa mahkamah menitikberatkan pertimbangan praktikal dan keadilan, bukan sekadar kehendak pemohon. Dan ia sejajar dengan prinsip fiqh awlawiyyat yang menitikberatkan masalah dan mengelakkan mafsadah (al-Ghazali 2002).

Oleh itu, dalam kajian ini menunjukkan bahawa penolakan permohonan poligami oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam mencerminkan peranan sebenar institusi kehakiman sebagai mekanisme kawalan bagi memastikan permohonan poligami hanya dibenarkan dalam keadaan yang benar-benar mengkuti syarat-syarat poligami dan memenuhi prinsip keadilan, kebajikan dan masalah menurut undang-undang keluarga Islam.

Permohonan Poligami yang Diluluskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam

Analisis kes-kes terhadap permohonan perkahwinan poligami yang diluluskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam menunjukkan bahawa mahkamah tidak memberikan keputusan secara terus kepada pemohon sebaliknya tertaluk kepada penilaian yang teliti dan menyeluruh. Dapatan daripada analisis fail kes dan temu bual hakim menunjukkan bahawa permohonan poligami yang diluluskan biasanya menepati syarat yang ditetapkan oleh mahkamah dan syarak. Pemohon yang berjaya membuktikan

kemampuan kewangan yang stabil, mampu berlaku adil, kematangan emosi dan tanggungjawab terhadap isteri sedia ada dan anak-anak lebih berpeluang mendapat kelulusan. Pemohon juga perlu memberikan justifikasi yang jelas mengenai perlunya poligami seperti menjaga keharmonian keluarga atau menangani konflik rumah tangga.

Menurut hakim syarie Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, penilaian bagi kelulusan permohonan poligami akan dilihat dari empat syarat iaitu patut atau perlu, keadilan, kemampuan kewangan dan tidak mendatangkan kemudharatan. Ini adalah empat syarat yang utama dan penting bagi mahkamah menilai dalam proses kelulusan tersebut.

Jika suami mendapat persetujuan isteri tanpa paksaan dan hanya atas kerelaannya sendiri, maka lebih mudah untuk mahkamah membuat penilaian dalam meluluskan permohonan poligami tersebut.

Temu bual hakim menekankan bahawa kelulusan permohonan tidak hanya bergantung kepada niat pemohon, tetapi penilaian menyeluruh terhadap faktor keadilan dan kesejahteraan semua pihak. Pemohon yang lengkap dokumen, memberikan bukti kukuh mengenai kemampuan dan kesediaan untuk menunaikan tanggungjawab, serta menunjukkan i'tikad baik lebih cenderung mendapat kelulusan. Persetujuan isteri sedia ada turut diambil kira walaupun bukan syarat mutlak, tetapi bagi menilai tahap kesediaan keluarga menerima poligami. Dapatan ini menekankan bahawa kelulusan poligami merupakan hasil penilaian holistik oleh mahkamah yang menyeimbangkan hak, tanggungjawab dan kesejahteraan keluarga.

PERBINCANGAN

Perbincangan kajian ini memfokuskan kepada pertimbangan kehakiman, implikasi serta cabaran dalam permohonan poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam berdasarkan dapatan kajian lapangan yang diperoleh melalui analisis fail kes dan temu bual bersama hakim.

Pertimbangan Kehakiman dalam Permohonan Poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam

Fenomena perkahwinan poligami di Shah Alam ini tidak wajar ditafsirkan melalui satu faktor semata-mata sebaliknya ia perlu difahami hasil gabungan pelbagai faktor yang saling berkait seperti faktor zuriat, faktor kemampuan dari segi kewangan dan keadilan yang kemudiannya dinilai melalui kerangka kehakiman.

Berdasarkan analisis fail dan temu bual hakim syarie, dapatan kajian menunjukkan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam mengambil pendekatan yang menyeluruh dan berhati-hati dalam menilai permohonan poligami. Hakim syarie sangat menekankan bahawa kelulusan bagi permohonan

poligami ini bukanlah semata-mata kehendak pemohon atau kehendak nafsu tetapi ia adalah berdasarkan penilaian yang menyeluruh terhadap kesejahteraan keluarga, keadilan terhadap isteri sedia ada serta kemampuan pemohon dalam menunaikan tanggungjawab sebagai suami. dapatan kajian ini sejajar dengan kajian Zaleha Kamaruddin (2009) yang menegaskan bahawa mahkamah syariah memainkan peranan penting sebagai mekanisme kawalan dalam permohonan poligami, khususnya bagi memastikan keadilan terhadap isteri sedia ada dan kebajikan keluarga sentiasa terpelihara. Kajian tersebut mendapati bahawa kelulusan poligami tidak boleh bergantung kepada kehendak pemohon semata-mata, sebaliknya memerlukan penelitian yang teliti terhadap kemampuan kewangan, emosi dan tanggungjawab sosial suami.

Antara pertimbangan hakim yang paling utama adalah keupayaan pemohon menunaikan syarat keadilan antara isteri sedia ada dan juga bakal isteri. Hakim Mahkamah Tinggi akan membuat penilaian sejauh mana pemohon mampu untuk memikul tanggungjawab dari aspek kewangan, emosi dan sosial bagi memastikan tidak wujud ketidakadilan atau kemudharatan kepada isteri sedia ada dan anak-anak. Jika kita lihat dalam beberapa kes di Mahkamah Tinggi, mahkamah akan menolak permohonan poligami sekiranya bukti terhadap pemohon tidak kukuh atau pemohon tidak mampu untuk mendatangkan segala bukti kepada mahkamah maka permohonannya berpotensi untuk gagal. Contohnya, apabila pemohon tidak dapat membuktikan pendapatannya yang stabil atau rekod pengurusan keluarga yang baik. Dapatan kajian ini turut mengukuhkan hujah Zulfakar Ramlee dan Normi Abdul Malek (2018) yang menyatakan bahawa cabaran utama dalam permohonan poligami ialah kesukaran mahkamah menilai elemen keadilan yang bersifat subjektif, terutamanya apabila bukti yang dikemukakan oleh pemohon bersifat umum atau tidak disokong dengan dokumen yang kukuh. Keadaan ini menjadikan beban pembuktian terhadap pemohon lebih berat dan menuntut kebijaksanaan hakim dalam menilai kesan jangka panjang poligami terhadap institusi keluarga.

Selain itu, alasan dan justifikasi pemohon menjadi faktor yang penting dalam pertimbangan kehakiman. Bagi permohonan yang jelas dan lengkap dengan wujud alasan yang kukuh akan memudahkan mahkamah dalam membuat penilaian. Misalnya, pemohon sentiasa teliti dalam menangani konflik rumah tangga atau menjaga kesejahteraan anak dan menunjukkan iktikad yang baik akan cenderung dan berpeluang untuk mendapat kelulusan berpoligami dari mahkamah. Namun jika sebaliknya, seperti permohonan terlalu umum, pemohon tidak menyatakan niat poligami yang kukuh dan meyakinkan atau gagal menunjukkan kesungguhan, maka mahkamah lebih cenderung untuk menolak permohonan poligami. Hakim menekankan bahawa permohonan poligami bukan hanya formaliti, tetapi

satu proses penilaian moral, sosial dan undang-undang (Zulfakar Ramlee, Normi Abdul Malek 2018).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa hakim juga menggunakan pendekatan holistik iaitu menimbang semua aspek seperti kemampuan pemohon, kepentingan isteri sedia ada, kebajikan anak-anak serta implikasi sosial sebagai asas membuat keputusan sama ada perlu meluluskan atau menolak sesuatu permohonan poligami yang difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam. Proses ini menekankan bahawa kemampuan kewangan, keadilan, kesejahteraan keluarga dan tanggungjawab suami adalah pertimbangan utama dalam penghakiman sekaligus memastikan keputusan yang diambil memenuhi matlamat syariah dalam poligami, iaitu menjaga hak dan kebajikan semua pihak. Pendekatan ini mencerminkan cabaran sebenar yang dihadapi hakim syarie dalam menyeimbangkan antara kehendak syarak, peruntukan undang-undang dan realiti sosial masyarakat, sebagaimana turut dibincangkan oleh Zulzaidi Mahmod dan Ahmad Hidayat Buang (2016) berhubung peranan dan cabaran institusi kehakiman Syariah di Malaysia.

Kesimpulannya, pertimbangan kehakiman dalam permohonan poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam menekankan keseimbangan antara hak suami dan hak isteri sedia ada, kemampuan pemohon menunaikan tanggungjawab serta kesejahteraan keluarga secara menyeluruh. Proses penilaian ini menunjukkan bahawa penghakiman bukan bersifat mekanikal atau rutin, tetapi berpandukan prinsip keadilan, tanggungjawab dan kebijaksanaan hakim dalam menilai implikasi sosial dan emosi permohonan poligami.

Implikasi Terhadap Permohonan Poligami

Dari sudut implikasi, dapatan kajian ini sejajar dengan kajian Zaleha Kamaruddin (2009) yang menjelaskan bahawa keputusan mahkamah terhadap permohonan poligami membawa kesan yang besar terhadap struktur dan kestabilan institusi keluarga. Kajian tersebut menegaskan bahawa kelulusan poligami bukan sekadar memberi kebenaran kepada suami untuk berkahwin lagi, tetapi turut memperluaskan skop tanggungjawab suami dari segi nafkah, emosi dan pengurusan hubungan kekeluargaan secara adil.

Dapatan kajian ini juga mengukuhkan hujah Noraini Md Hashim dan Raihanah Abdullah (2017) yang menyatakan bahawa kelulusan mahkamah tidak menjamin keharmonian perkahwinan poligami sekiranya suami gagal mengekalkan keadilan secara berterusan selepas perkahwinan. Implikasi ini menunjukkan bahawa peranan mahkamah adalah menilai kelayakan awal pemohon, manakala kejayaan sebenar poligami bergantung kepada pelaksanaan tanggungjawab suami dalam jangka masa panjang.

Bagi permohonan yang tidak diluluskan pula, dapatan kajian ini menyokong pandangan Ahmad Hidayat Buang (2015) yang menegaskan bahawa penolakan permohonan poligami berfungsi sebagai

mekanisme perlindungan terhadap kebajikan isteri sedia ada dan anak-anak. Penolakan tersebut bukan bertujuan menafikan hak suami, sebaliknya bertindak sebagai langkah pencegahan bagi mengelakkan kemudaratan yang lebih besar kepada institusi keluarga.

Selain itu, dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa keputusan mahkamah memberi implikasi terhadap pemahaman masyarakat mengenai realiti poligami. Poligami tidak lagi dilihat sebagai pilihan peribadi semata-mata, tetapi satu amanah yang tertakluk kepada kawalan undang-undang dan penelitian kehakiman, selaras dengan dapatan kajian oleh Raihanah Abdullah (2012) yang menegaskan bahawa kawalan kehakiman berperanan mendidik masyarakat tentang tanggungjawab sebenar dalam amalan poligami.

Cabaran Dalam Permohonan Poligami

Kajian ini turut mengenal pasti beberapa cabaran utama dalam pengurusan dan penilaian permohonan poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam. Antara cabaran utama ialah kesukaran menilai keadilan yang bersifat subjektif, khususnya melibatkan aspek emosi dan hubungan kekeluargaan. Walaupun dokumen dan keterangan dikemukakan, aspek keadilan jangka panjang sukar diramal sepenuhnya pada peringkat permohonan. Dapatan kajian ini sejajar dengan kajian Zulfakar Ramlee dan Normi Abdul Malek (2018) yang mengenal pasti kesukaran utama mahkamah dalam menilai syarat keadilan yang bersifat subjektif, khususnya apabila melibatkan aspek emosi, hubungan kekeluargaan dan jangkaan masa hadapan. Walaupun dokumen kewangan dan keterangan dikemukakan, keadilan dari sudut emosi dan sosial sukar dinilai secara menyeluruh pada peringkat permohonan.

Selain itu, cabaran turut wujud apabila pemohon tidak menyediakan dokumen sokongan yang mencukupi atau gagal memahami keperluan sebenar yang ditetapkan oleh mahkamah. Keadaan ini bukan sahaja melambatkan proses perbicaraan, malah menyukarkan hakim untuk membuat penilaian yang tepat dan adil (Zaleha Kamaruddin 2009).

Selain itu, dapatan bahawa hakim terpaksa menggunakan budi bicara kehakiman secara meluas apabila berhadapan dengan permohonan yang bersifat umum atau tidak lengkap menunjukkan realiti praktikal penghakiman poligami yang jarang dihuraikan secara terperinci dalam kajian terdahulu. Keadaan ini mencerminkan cabaran sebenar hakim syarie dalam menyeimbangkan antara kehendak syarak, peruntukan undang-undang dan realiti sosial masyarakat, sebagaimana turut dibincangkan oleh Zulzaidi Mahmod dan Ahmad Hidayat Buang (2016) berkaitan cabaran institusi kehakiman Syariah di Malaysia.

Cabaran lain yang dikenal pasti ialah tahap kefahaman masyarakat terhadap peranan mahkamah dalam permohonan poligami. Terdapat tanggapan

bahawa mahkamah menyukarkan atau menyekat amalan poligami, sedangkan dapatan kajian menunjukkan bahawa kawalan kehakiman bertujuan memastikan poligami dilaksanakan secara bertanggungjawab dan tidak membawa mudarat.

KESIMPULAN

Kajian ini meneliti permohonan poligami di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam dengan menumpukan kepada faktor-faktor yang mendorong permohonan serta pertimbangan kehakiman dalam meluluskan atau menolak permohonan poligami. Dapatan kajian menunjukkan bahawa permohonan poligami tidak dinilai sebagai hak mutlak pemohon, sebaliknya tertakluk kepada syarat-syarat ketat seperti keadilan, kemampuan nafkah, alasan yang munasabah serta jaminan bahawa poligami tidak mendatangkan kemudaratan kepada isteri sedia ada dan anak-anak. Faktor persetujuan isteri, kemampuan kewangan dan keupayaan pemohon menunaikan tanggungjawab dikenal pasti sebagai elemen penting dalam penilaian mahkamah.

Kajian ini juga mendapati bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam mengamalkan pendekatan kehakiman yang holistik dan berhati-hati dalam menilai setiap permohonan poligami selaras dengan prinsip maqasid syariah. Keputusan mahkamah dibuat berdasarkan keseimbangan antara hak pemohon dan kebajikan keluarga secara menyeluruh, bukan semata-mata kehendak individu.

Selain itu, dapatan kajian ini turut menyumbang kepada pemahaman yang lebih realistik terhadap peranan Mahkamah Syariah sebagai institusi kawalan dalam pelaksanaan poligami di Malaysia. Pendekatan kehakiman yang berhati-hati dan berteraskan prinsip keadilan serta masalah keluarga membuktikan bahawa mahkamah bukan bertujuan menyekat syariat, sebaliknya memastikan poligami dilaksanakan secara bertanggungjawab dan selari dengan tuntutan maqasid syariah. Justeru, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pihak berautoriti, pengamal kehakiman serta penyelidik masa hadapan dalam usaha memperkukuh amalan dan dasar berkaitan pengurusan permohonan poligami di Mahkamah Syariah.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
 Abdul Rahman. 2018. Poligami menurut perspektif undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 Ahmad Hidayat Buang. 2015. Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 Al-Ghazali. 2002. Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul. Kaherah: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
 Ana Faiza Md Nor, Rafeah Saidon dan Azri Bhari. 2021. Faktor penolakan permohonan kebenaran poligami:

- Kajian kes Mahkamah Tinggi Syariah Selangor (2009–2013). *Journal of Fatwa Management and Research* 26 (2).
- Anis Shuhaiza Md Salleh. 2024. Islamic family law on polygamous marriage in Malaysia: Between roses and thorns. *Jurnal Pembangunan Sosial* 27.
- Anuar Ahmad. 2016. Integriti dalam poligami. Utusan Malaysia, 15 Jun.
- Aurangzaib Alamgir. 2014. Islam and polygamy: A case study in Malaysia. *Procedia – Social and Behavioral Sciences* 114: 889–893.
- Mariam Abd Majid, Sahlawati Abu Bakar, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Salasiah Hanin Hamjah, Zulkefli Aini, Mohd Ridhuan Mohd Jamil & Naqibah Mansor. 2020. Faktor pendekatan mengurus konflik dalam rumah tangga bermadu. *Al Irsyad Journal of Islamic and Contemporary Issues* 5(1).
- Md Noor, R. & Abdul Jalil, N. A. 2016. Poligami dalam konteks undang undang keluarga Islam di Malaysia: Satu sorotan awal. *Jurnal Syariah* 24(2): 201–222.
- Mustaqim Roslan, Hilman, A. 2025. Faktor-Faktor Kelulusan Permohonan Poligami dalam Kalangan Suami Yang Tidak Berkemampuan: Analisis Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu, Kelantan. *Firdaus Journal*. Vol 5 No. 1 2025 (66–78).
- Nabila Haji Bujang & Dr. Nurzakiah binti Hj Ramlee 2021. Perspektif masyarakat terhadap faktor poligami. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 8(2).
- Nor Dalilah Zakaria, Raihanah Azahari & Bahiyah Ahmad. 2023. Elemen kebertanggungjawaban rumah tangga menurut perspektif Islam. *Jurnal Fiqh* 20(2): 165–210.
- Norain Mohd Shah, & Khairul Azhar Meerangani. 2021. Faktor Poligami Tanpa Kebenaran: Analisis Kes di Mahkamah Syariah Muar, Johor. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi UiTM (e-JITU)*.
- Noraini Md Hashim & Raihanah Abdullah. 2017. Implikasi poligami terhadap keluarga Muslim di Malaysia. *Journal of Shariah Law Research* 2(1): 45–62.
- Noraini. 2020. Poligami dalam undang-undang keluarga Islam: Analisis terhadap pertimbangan kehakiman. *Jurnal Undang-Undang Islam*, 12(2): 45–60.
- Nurulbahiah Awang. 2024. The right concept and application of polygamous marriage in Malaysia: An analysis of the role of court under the provision of Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984. *Al-Ahwal: Jurnal Hukum Keluarga Islam* 17(1): 58–70.
- Rafiah Yusof. 2008. Poligami dalam Islam: Merungkai Beberapa Masalah Sosial Hari Ini. *Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*.
- Raihanah Abdullah. 2003. Berpoligami: Antara hak suami dan hak isteri menurut undang undang keluarga Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah* 11(1).
- Raihanah Abdullah. 2012. Poligami dan kawalan kehakiman di Malaysia. *Jurnal Syariah* 20(2): 185–210.
- Rapini, A. M., & Salam, N. Z. 2020. Keperluan kehadiran isteri sedia ada dalam permohonan poligami: Satu tinjauan awal. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – (pp. 988-1000)*. Dalam Talian: KUIS.
- Redwan Yasin. 2012. Alasan penghakiman tuntutan kebenaran poligami di negeri Melaka menurut perspektif syariah. *Falkulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*.
- Selangor. 2003. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Selangor: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Siti Zubaidah Ramli, Hana Duerama & Farrah Wahida Mustafar. 2019. Realiti keluarga poligami: Komunikasi nafkah menurut perspektif mazhab Syafi'i. *Kolej Universiti Islam Melaka*.
- YA Tuan Salehan Bin Yatim. 2025. Faktor yang mendorong, penolakan dan kelulusan permohonan poligami. *Pejabat Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam*. Temu Bual, 15 Disember.
- Zaini Nasohah. 2000. Poligami hak keistimewaan menurut syariat Islam. *Malaysia: Kuala Lumpur*
- Zakaria, N. 2020. Peranan institusi kekeluargaan Islam dalam menangani perceraian di Malaysia. *Jurnal Hukum* 35(2): 78–92.
- Zaleha Kamaruddin. 2009. Polygamy and the Malaysian legal system. *IJUM Law Journal* 17(2): 201–220.
- Zulfakar Ramlee & Normi Abdul Malek. 2018. Isu keadilan dan pembuktian dalam kes permohonan poligami di mahkamah syariah. *Journal of Shariah Law Research* 3(1): 89–110.
- Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang. 2016. Cabaran kehakiman Syariah dalam sistem perundangan Malaysia. *Jurnal Syariah* 24(3): 351–372.